

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 28 MEI 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT menyatakan pelan untuk menubuhkan jaringan sekolah
khas dan pusat penjagaan di lokasi strategik seluruh Malaysia khusus
bagi kanak-kanak kurang upaya yang mengalami '*neuromuscular and*
musculoskeletal disorders'.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) belum ada satu pelan untuk menubuhkan jaringan sekolah khas dan pusat penjagaan di lokasi strategik seuruh Malaysia khusus bagi kanak-kanak kurang upaya yang mengalami 'neuromuscular and musculoskeletal disorders'.

Walau bagaimanapun, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta pihak-pihak lain dalam pembangunan OKU di negara ini. Jabatan sentiasa bekerjasama bagi menyediakan perkhidmatan dan program kepada semua OKU dalam usaha meningkatkan kesejahteraan hidup mereka antaranya Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) OKU.

Program PDK telah mewujudkan jaringan kerjasama dengan beberapa agensi kerajaan, swasta dan komuniti setempat untuk pembangunan OKU yang berada di PDK. Dalam hal ini, Jabatan mewujudkan Panel Penilai PDK Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah dan dianggotai oleh Pegawai Kesihatan Daerah, Pegawai Pelajaran Daerah, Pegawai Jabatan Tenaga Kerja Daerah serta mana-mana pihak lain yang berkaitan dengan pembangunan OKU di PDK. Panel Penilai PDK Daerah yang diwujudkan bertujuan menilai prestasi dan kemajuan OKU dari aspek pemulihan, latihan, pendidikan, pembangunan dan penempatan pekerjaan untuk kepentingan dan perkembangan OKU pada masa hadapan.

PDK merupakan satu program pendekatan pembangunan ke arah sokongan dan kesedaran masyarakat dalam membantu OKU menjalani pemulihan untuk mengecapi taraf hidup yang lebih selesa. PDK terbuka kepada semua kategori OKU. Pada masa ini terdapat sebanyak 508 buah pusat PDK yang beroperasi di seluruh negara, yang memberi manfaat kepada 21,089 OKU.

JKM sentiasa menggalakkan permohonan bagi penubuhan PDK baharu setiap tahun bergantung kepada keperluan dengan mengambil kira perkara-perkara seperti berikut:

- i. keperluan komuniti setempat seperti bilangan OKU (minimum 10 OKU),
- ii. lokasi PDK (strategik, mudah diakses),
- iii. mempunyai komuniti penggerak (jawatankuasa) meliputi individu / kumpulan yang berminat & mempunyai komitmen.

Selain itu, KPWKMM melalui JKM juga telah menubuhkan 6 buah TASKA OKU bagi kanak-kanak OKU kategori sindrom down, autisme, penglihatan, pendengaran, fizikal dan masalah pembelajaran sejak tahun 2013.